

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **PKK** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :


Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM037/ HAWA DINGIN/2017	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM PENGOKOL HAWA DINGIN BERPUSAT JENIS (AIR COOLED CHILLER) DI BANGUNAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH DAN BANGUNAN PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 Kategori ME Pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara) Dan Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)	Tarikh & Masa : 13 Julai 2017 (Khamis) Jam : 2.00 Ptg Tempat : Pejabat Pembangunan, Kampus Induk, Durian Tunggal, UTeM (Kedatangan dan lawatan tapak adalah dimestikan)	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 06 Julai 2017 hingga 13 Julai 2017	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 20 Julai 2017 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **06 Julai 2017** hingga **19 Julai 2017** semasa waktu pejabat seperti berikut:

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan **06 Julai 2017** dan dijual pada **13 Julai 2017** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **19 Julai 2017** dengan bayaran **RM 15.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.

4. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ dan Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan **tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.**
5. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang mana namanya tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB dan salinan.** Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB asal, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa** yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat.**
6. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
7. Sebut Harga ini akan ditutup pada **20 Julai 2017**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
8. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



(Peg. Unit Perolehan)

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095
FAKS : 06 – 331 6296